

Dr. M: Sistem pentadbiran perlu disusun semula

11 AM, 30 MAR 1977

SISTEM peraturan pentadbiran kerajaan yang ada sekarang perlu disusun semula dan diperbaiki untuk memastikan taraf kecekapan dan mutu persembahan kerja yang tinggi, kata Dr. Mahathir hari ini.

Menurut beliau, sistem sekarang sudah agak ketinggalan zaman kerana semenjak mencapai kemerdekaan, jentera pentadbiran kerajaan yang berkembang pesat masih juga tidak berubah.

Katanya, peraturan yang ada sekarang adalah satu peraturan yang sudah tidak sesuai lagi kerana ia mengambil masa yang lama untuk berbuat sesuatu.

"Sebenarnya peraturan-peraturan kerajaan boleh disusun semula supaya pelaksanaan sesuatu kegiatan boleh dibuat secara serentak dan berkesan," ujar beliau.

Timbalan Perdana Menteri berucap merasmikan Persidangan Kebangsaan Institut

Pengurusan Kakitangan Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata sistem peraturan yang ada sekarang juga menyebabkan tenaga kakitangan kerajaan tidak dapat digunakan sepenuhnya dan ini merupakan satu kelemahan di pihak pentadbiran.

Sebahagian besar kakitangan kerajaan, katanya, membuat kerja yang "routine" dan

dalam banyak hal kejulusan mereka adalah lebih tinggi dari apa yang mereka buat jika dibandingkan dengan sektor swasta.

Dr. Mahathir menegaskan, untuk mengatasi masalah kakitangan yang berkualiti dalam bilangan yang cukup di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, kerajaan sedang menyusun semula sistem

perancangan tenaga kerjanya bagi memastikan kejayaan rancangan itu.

Beliau memberitahu, penggunaan tenaga kerja dalam sektor awam di negara ini adalah di antara yang paling tinggi di dunia dengan kadar kenaikan 12 peratus setahun.

Katanya, perkembangan ini adalah tidak sihat dari segi ekonomi dan kerajaan sedang berusaha meningkatkan pengeluaran dalam sektor awam melalui perubahan-perubahan dalam sistem peraturan dan menggunakan pekerja-pekerja baru

sungguhpun setelah keluar dari perkhidmatan kerajaan terdapat juga mereka yang berniaga sendiri dan membawa peluang-peluang pekerjaan, tetapi tugas melatih kakitangan harus ditanggung sama oleh sektor swasta.

Beliau kemudian menyarankan supaya diadakan satu tata-cara dalam perkhidmatan awam yang kelak boleh menggantikan perintah am kerajaan.

Katanya, tata-cara seumpama itu merupakan satu sistem yang lebih tegas dalam usaha mengawasi tingkah laku kakitangan kerajaan.

secara lebih praktikal.

Dr. Mahathir memberitahu bahawa kerajaan sedar sebahagian besar dari kakitangan atasan dalam sektor swasta terutama sekali dalam bidang perubatan dan kejuruteraan adalah bekas pekerjanya.

Katanya, sektor awam beruntung dalam hubungan ini kerana dengan tawaran yang lebih baik mereka dapat menarik kakitangan kerajaan yang sudah terjatih dan menjadikan sektor awam seolah-olah tempat melatih para pegawai-pegawainya.

Beliau menambah,